

USIM juara Debat Pendidikan Islam Peringkat ASEAN

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (USIM) muncul juara Pertandingan Debat Pendidikan Islam Peringkat ASEAN menewaskan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di Universiti Brunei Darussalam baru-baru ini.

USIM menggondol hadiah wang tunai RM4,000 piala pusingan, piala iringan dan sijil penghargaan.

Pertandingan debat itu menyaksikan USIM bertindak sebagai pembangkang dan UIAM sebagai pihak kerajaan yang membahaskan usul *Umat Islam Terpinggir Kerana Lemah Dalam Sains dan Teknologi*.

Anggota pasukan USIM yang bertindak sebagai pembangkang dibarisi oleh Ummu Umairah Azahari, Mohd Ikhwan Mohd Rosseli, Muhamad Shah Izad Saleh dan Muhammad Irhammudin Ibrahim.

Pertandingan itu dianjurkan sempena sambutan Jubli Perak UBD ke-25 tahun.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam, Datuk Seri Setia Dr. Awang Abu Bakar Apong.

Ummu Umairah berkata, keyakinan untuk menang dalam pertandingan tersebut mendorong kesemua anggota pasukan berusaha bersungguh-sungguh



AWANG Abu Bakar Apong (tengah) bergambar bersama juara Debat Pendidikan Islam ASEAN daripada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Universiti Brunei Darussalam, baru-baru ini.

dalam setiap latihan yang diikuti.

"Ini merupakan percubaan kami yang terbaik dalam pertandingan debat, maka setiap kali latihan kami pastikan kelancaran dalam mengeluarkan hujah bernas di samping kekuatan semangat berpasukan antara kami," katanya.

Kesemua mereka merupakan anggota Kelab Debat USIM yang menerima tunjuk ajar daripada jurulatih Syamsul Amri Ismail.

Menurut Ummu Umairah, kemenangan itu merupakan satu sejarah kerana USIM telah mengharumkan nama Malaysia di peringkat ASEAN.